

**DEWAN RAKYAT  
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS (2020)**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TUAN YUSUF BIN ABD. WAHAB [ TANJONG  
MANIS ]**

**TARIKH : 25 OGOS 2020 (SELASA)**

**SOALAN**

**TUAN YUSUF BIN ABD. WAHAB [ TANJONG MANIS ]** Minta **Menteri Alam Sekitar Dan Air** Menyatakan Bahawa Banyak Ban-Ban Pertanian Yang Telah Rosak Akibat Hakisan Pantai Atau Tindakan Ombak Laut Seperti Yang Terjadi Terutamanya Di Kampung Paloh, Kedang, Sebako, Penibong, Betanak, Salah Kecil, Penipah, Tekajong Dan Bruit. Adakah Kementerian Mempunyai Rancangan Untuk Membaiki Dan Menaik Taraf Ban-Ban Pembinaan Ban Pertanian Serta Struktur Kawalan Air Laut Secara Menyeluruh, Supaya Aktiviti Pertanian Penduduk Di Kawasan Tersebut Dapat Dimajukan Lagi.

**JAWAPAN**

Tuan Yang Di-Pertua,

1. Untuk makluman, pembinaan ban pertanian adalah dibawah bidang kuasa Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI). Melalui semakan dengan MAFI, Jabatan Pengairan dan Saliran Negeri Sarawak telah mengemukakan dua (2) permohonan projek baru untuk menaiktaraf ban-ban pertanian bagi kawasan Parlimen Tanjung Manis dalam RMKe-12 dibawah MAFI.
2. Projek baharu pertama ialah projek membina dan menaik taraf Skim Pertanian Pulau Bruit dengan anggaran kos sebanyak RM15 juta. Projek ini

meliputi kawasan Kg. Bruit, Kg Penipah, Tg. Sirik, Kg. Tekajong, Kg. Salah Besar, Kg. Salah Kechil, Kg Betanak, Kg. Penibong, Kg. Penyuai, Kg. Saai dan Teluk Telaga.

3. Projek baharu kedua ialah projek membina dan menaiktaraf infrastruktur pertanian di Skim Sungai Bapa dengan anggaran kos sebanyak RM2 juta. Projek ini meliputi kawasan Sungai Bapa, Mukah.

4. Walau bagaimanapun, Kementerian ini melalui Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) Malaysia mengambil perhatian masalah hakisan pantai yang berlaku di seluruh Malaysia. Projek Pengawalan Hakisan Pantai Kampung Paloh Lama, Daerah Tanjong Manis, Bahagian Mukah, Sarawak telah dimohon dalam RMKe-12 dengan anggaran kos berjumlah RM12 juta.

Sekian. Terima kasih.